

Headline	Ringgit Malaysia masih laku di Arab Saudi		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	4	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	176 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,567
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,701



TH nafi dakwaan mata wang negara tidak diterima di Mekah, Madinah

# Ringgit Malaysia masih laku di Arab Saudi

KUALA LUMPUR — Lembaga Tabung Haji (TH) menafikan berita palsu yang disebar menerusi media sosial yang mendakwa kononnya mata wang Ringgit Malaysia tidak diterima di Mekah dan Madinah, Arab Saudi.

TH dalam satu kenyataan semalam berkata, pemantauan melalui pejabat TH di Jeddah mendapati, mata wang Ringgit Malaysia masih diterima oleh kebanyakan pengurup wang di dua kota suci berkenaan.

"Selain itu, maklumat mengenai penggunaan kad ATM (mesin pengeluaran wang automatik) atau debit yang membolehkan pengeluaran wang antarabangsa yang kononnya tidak diterima dan turut tersebar di media sosial, juga adalah tidak benar."

"Penggunaan kad ATM atau debit perlu mengikut tatacara yang betul dan perlu diaktifkan untuk melakukan pengeluaran wang," kata kenyataan TH itu.

Sehubungan itu, menurut TH, para jemaah Malaysia yang akan ke Tanah Suci dan berhasrat untuk menggunakan kad ATM atau debit dinasihati untuk ber-

hubung terus dengan bank yang mengeluarkan kad berkenaan untuk maklumat penggunaan yang betul. — Bernama



JEMAAH Malaysia yang menunaikan haji atau umrah tidak perlu bimbang kerana Ringgit Malaysia masih diterima di Arab Saudi. — Gambar hiasan